

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan tabika elit seperti yang dicadangkan oleh KEMAS baru-baru ini. Bukankah keutamaan pertama Kerajaan untuk membaik pulih ribuan premis tabika KEMAS yang masih dalam keadaan uzur khususnya di Sabah dan Sarawak

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian melalui KEMAS begitu komited untuk memastikan bangunan TABIKA dan TASKA KEMAS di seluruh negara berada dalam keadaan yang selamat, selesa dan kondusif. Dalam tahun 2020, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah **RM8.18 juta** di bawah peruntukan Mengurus dan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) untuk pelaksanaan baikpulihan TABIKA di Sabah dan Sarawak. Peruntukan ini telah memberi manfaat baikpulihan kepada sebanyak **252 buah** TABIKA di negeri-negeri berkenaan dan telah memberi manfaat kepada **6,300 orang** kanak-kanak.

Berhubung dengan cadangan pelaksanaan TABIKA Elit, Kementerian tidak bercadang untuk meneruskan cadangan berkenaan namun golongan M40 masih berpeluang untuk menghantar anak mereka ke TABIKA KEMAS jika masih terdapat kekosongan tempat.

Sekian, terima kasih.